



21 FEB, 2021

Pembukaan sekolah gambaran penting institusi pendidikan

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 4



**Mohamad Syafiq
Ya Shak**

Pembukaan sekolah gambaran penting institusi pendidikan

Pengumuman pembukaan semula sesi persekolahan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) memberi khabar gembira buat ibu bapa, guru dan juga murid.

Langkah ini tepat, pada saat hampir semua sektor ekonomi dan kehidupan lain mula dibuka. Syabas diucapkan kepada KPM.

Pastinya, Malaysia tidak bersendirian dalam hal ini. Menurut data yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada awal Februari 2021, hanya 28 negara di seluruh dunia masih menutup sekolah.

Statistik ini jauh berbeza ketika puncak penyebaran gelombang pertama COVID-19 pada hujung April 2020, di mana ketika itu sehingga 165 negara melaksanakan penutupan sekolah.

Presiden Amerika Syarikat (AS) yang baharu, Joe Biden, juga menjadikan pembukaan semula sekolah antara agenda utama sempena 100 hari pertama pentadbiran beliau.

Jelas sekali, Malaysia mengambil langkah yang tepat. Hal ini disokong fakta sains dan statistik berkaitan COVID-19.

Ambil sahaja bilangan kes terkini di Malaysia setakat 19 Februari lalu.

Hampir 280,000 kes dilaporkan, tetapi berapa peratuskah membabitkan kanak-kanak? Berapa pula kes kematian berkaitan COVID-19 yang membabitkan kanak-kanak?

Statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ada menyebut kanak-kanak bawah 18 tahun hanya menyumbang lapan peratus daripada keseluruhan kes COVID-19 di seluruh dunia.

Boleh dikatakan tidak mudah bagi kanak-kanak untuk mendapat jangkitan pandemik ini.

Kebanyakan kluster COVID-19 yang dilaporkan terbentuk berdasarkan statistik kes harian juga banyak membabitkan tempat kerja dan bukannya

sekolah.

Benar sekolah belum dibuka, namun jika dilihat saat sekolah kembali dibuka selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dikuatkuasakan tahun lalu, hampir tiada kluster dilaporkan bermula di sekolah.

Memang ada jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak, namun kebanyakan kluster dan kes berkaitan kelompok itu juga berlaku kesan acara keramaian di luar sekolah.

Maka, tidak hairanlah Pusat Kawalan Penyakit (CDC) di AS mengesyorkan sekolah antara tempat paling selamat untuk kanak-kanak pada waktu pandemik ini.

Di negara lain seperti Thailand dan Afrika Selatan juga jumlah kes kekal rendah meskipun sekolah kembali dibuka. Begitu juga di Vietnam dan Gambia.

Walaupun kes meningkat ketika cuti musim panas, bilangan jangkitan kembali menurun selepas sekolah dibuka. Hal sama juga direkodkan berlaku di Jepun dan United Kingdom (UK).

Di AS juga, walaupun jumlah kes COVID-19 kekal tinggi, kajian menunjukkan sekolah bukan penyebab utama kepada peningkatan itu.

Ringkasnya, tidak ada yang dapat memberi kepastian bahawa sekolah tidak akan menjadi pusat penyebaran COVID-19. Namun, fakta sedia ada mencadangkan pembukaan semula sekolah tidak berkadar langsung dengan peningkatan kes COVID-19.

Tidak dinafikan risiko itu sentiasa ada. Contohnya, mungkin guru berasakan mereka berisiko dijangkiti COVID-19 kerana berurusan dengan ramai murid setiap hari.

Namun, bagaimana pula dengan juruwang di pasar raya yang kekal dibuka setiap hari dalam tempoh PKP ini? Pastinya mereka berhadapan risiko lebih tinggi kerana berurusan dengan lebih ramai orang daripada pelbagai lokasi di tempat kerja.

Justeru, perkara lebih penting di si-



21 FEB, 2021

Pembukaan sekolah gambaran penting institusi pendidikan

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 4

ni adalah bagaimana kita mendepani risiko dan mengurangkan impak daripadanya.

Langkah kawalan sendiri serta pencegahan dan mitigasi COVID-19 seperti dicadangkan WHO dan kerajaan, harus dijalankan secara menyeluruh dan bersungguh-sungguh.

Contohnya, pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal harus dikuatkuasakan secara serius di sekolah. Pengudaraan di ruang pembelajaran di sekolah juga perlu ditambah baik.

Dalam pada itu, pemberian vaksin COVID-19 juga mungkin boleh diberi keutamaan kepada guru dan staf sokongan lain di sekolah.

Mungkin ada yang tidak akan mengikuti sepenuhnya langkah pencegahan ini, namun jangan dijadikan alasan untuk menutup sistem persekolahan secara keseluruhannya.

Pasti ada ibu bapa gusar dengan risiko bakal dihadapi anak mereka. Maka beri mereka ini pilihan untuk tidak menghantar anak ke sekolah.

Namun, jangan sampai hal ini kembali membebankan guru atau pihak sekolah sehingga terpaksa mengadakan sesi pembelajaran dalam talian khusus untuk golongan ini pula.


Jika ibu bapa ini boleh membuat pilihan, maka guru juga wajar diberikan pilihan untuk tidak melakukannya.

Semestinya, ibu bapa sendiri tahu apa yang terbaik untuk anak mereka dan pastinya akan merancang sumber pendidikan alternatif untuk mereka.

Di sebalik semua ini, pembukaan semula sekolah sangat penting untuk anak kita supaya mereka tidak memandang enteng nilai pendidikan dalam kehidupan.

Mereka perlu selalu diingatkan peri pentingnya pendidikan, walaupun pada saat dunia digoncang pandemik yang tidak terbayang oleh sesiapa pun sebelum ini.

Penulis adalah Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak

 **Pembukaan semula sekolah sangat penting untuk anak kita supaya mereka tidak memandang enteng nilai pendidikan dalam kehidupan. Mereka perlu selalu diingatkan peri pentingnya pendidikan, walaupun di saat dunia digoncang pandemik.**



21 FEB, 2021

Pembukaan sekolah gambaran penting institusi pendidikan

Berita Harian Ahad, Malaysia




Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
SAIDON IDRIS | saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital
M THILLINADAN | thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak
AZHAR A SAMAH | azharas@bh.com.my





21 FEB, 2021

Pembukaan sekolah gambaran penting institusi pendidikan

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 4 of 4

SUMMARIES

Pengumuman pembukaan semula sesi persekolahan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) memberi khabar gembira buat ibu bapa, guru dan juga murid. Langkah ini tepat, pada saat hampir semua sektor ekonomi dan kehidupan lain mula dibuka. Syabas diucapkan kepada KPM. Pastinya, Malaysia tidak bersendirian dalam hal ini. Menurut data yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada awal Februari 2021, hanya 28 negara di seluruh dunia masih menutup sekolah.